



**Q.P. Code**

19

Roll No.

Candidates must write the Q.P. Code  
on the title page of the answer-book.

# BAHASA MELAYU



*Masa : 3 Jam*

*Time allowed : 3 hours*

*Markah : 80*

*Maximum Marks : 80*

## NOTE

- (I) *Please check that this question paper contains **20** printed pages.*
- (II) *Q.P. Code given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.*
- (III) *Please check that this question paper contains **12** questions.*
- (IV) ***Please write down the Serial Number of the question in the answer-book at the given place before attempting it.***
- (V) *15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the candidates will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.      []*



## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

### ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (50 minit), C (40 minit), dan D (40 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **18 muka surat** sahaja.



## Bahagian A (15 Markah)

### SOALAN 1

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the passage carefully, then answer the following questions.) **(5 Markah)**

Tarikh 16 Mei pada setiap tahun merupakan tarikh yang amat bermakna kepada para guru di negara kita. Pada tarikh tersebut, sambutan Hari Guru diadakan secara besar-besaran di seluruh negara. Sambutan ini diadakan sebagai tanda menghormati dan menghargai jasa guru yang telah berkhidmat untuk mendidik anak bangsa.

Pelbagai acara dijalankan bersempena dengan sambutan tersebut. Pada peringkat sekolah misalnya, acara seperti persembahan pentas dan sukaneka diadakan. Semua guru serta murid terlibat untuk menjayakan acara tersebut. Acara sebegini bukan sahaja dapat menimbulkan suasana yang ceria di sekolah malahan dapat mewujudkan hubungan yang mesra.

Pada peringkat kebangsaan pula, majlis penganugerahan Guru Cemerlang diadakan. Anugerah Guru Cemerlang diberikan kepada tokoh guru yang telah banyak berjasa dalam bidang pendidikan di negara kita.

Sebenarnya, tanggungjawab guru bukan sekadar mengajar dan *mencurahkan ilmu* kepada murid-muridnya. Tugas guru lebih berat dan besar kerana guru harus bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselamatan murid-muridnya. Selain itu, guru harus memelihara hubungan baik dengan ibu bapa dan masyarakat setempat juga.

Oleh itu, semua pihak perlulah menghargai jasa dan pengorbanan guru. Seluruh anggota masyarakat perlu memberikan kerjasama kepada guru dalam usaha melahirkan generasi yang cemerlang dan berakhlak mulia.

- I. Tujuan sambutan Hari Guru diadakan untuk?
- A. mengenal pasti dan memilih guru cemerlang.
  - B. memberikan hadiah kepada guru.
  - C. mengenang dan menghargai bakti guru.
  - D. mengadakan persembahan pentas yang melibatkan guru.



- II. Rangkai kata *mencurahkan ilmu* dalam petikan bermaksud
- A. mengongsi pengalaman
  - B. memberikan pengetahuan
  - C. memberikan ganjaran
  - D. mendapatkan pengajaran
- III. Berdasarkan petikan, acara—di bawah ini diadakan bersempana dengan sambutan Hari Guru KECUALI
- A. sukaneka.
  - B. persembahan pentas.
  - C. majlis penganugerahan Guru Cemerlang.
  - D. jamuan.
- IV. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
- A. Berbagai-bagai acara yang menarik diadakan semasa sambutan Hari Guru..
  - B. Jasa dan pengorbanan para guru wajar kita hargai.
  - C. Tanggungjawab guru terhadap murid-murid amat besar.
  - D. Hanya segelintir masyarakat perlu bekerjasama dengan guru.
- V. Pelibatan murid dan guru untuk menjayakan acara sambutan Hari Guru dapat
- A. meningkatkan pencapaian sekolah.
  - B. menyelesaikan masalah yang dihadapi.
  - C. menjalinkan kemesraan antara mereka.
  - D. menjimatkan kos perbelanjaan.



## SOALAN 2

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(Read the advertisement carefully, then answer the following questions)

**(5 Markah)**

Bunyi tapak kasut orang berjalan berhampiran dengan rumahnya menyebabkan Pak Burhan terjaga daripada tidur. Jam di sisi menunjukkan pukul 4.00 pagi. Pak Burhan meletakkan kembali kepalanya, namun matanya enggan lena walaupun terasa mengantuk.

Sudah beberapa malam bunyi yang sama mengganggu tidurnya. Malam itu, Pak Burhan bangkit dan bertekad untuk melihat apa yang sedang berlaku. Hampir setengah jam Pak Burhan berselindung di sebalik pokok jati, namun tiada satu pun bayangan menjelma. Pak Burhan hampir putus asa.

Tiba-tiba, Pak Burhan terdengar ranting pokok yang patah. Malah ada bayang-bayang bergerak dapat diperhatikan olehnya. Pak Burhan mengekori hinggalah sampai ke suatu tempat. Tahulah Pak Burhan bahawa mereka ialah sindiket pengedaran dadah. Pak Burhan terus membuat laporan polis.

Tidak lama kemudian, pihak polis telah menyerbu kawasan tersebut. Semua pengedar berjaya ditangkap. Pihak polis telah mengucapkan terima kasih dan memberikan penghargaan kepada Pak Burhan.



- I. Apakah yang menyebabkan Pak Burhan tidak tidur lena?
- A. kerana digigit nyamuk
  - B. kerana malam masih awal
  - C. kerana ada gangguan bunyi
  - D. kerana Pak Burhan tidak mengantuk
- II. Apakah tindakan Pak Burhan pada malam tersebut?
- A. tidur kembali
  - B. melihat apa yang berlaku
  - C. menonton rancangan televisyen
  - D. bangkit daripada tidur dan tidak tidur lagi selepas itu
- III. Mengapakah Pak Burhan hampir putus asa?
- A. kerana tidurnya terganggu
  - B. kerana matanya tidak mahu lelap
  - C. kerana sering diganggu setiap malam
  - D. kerana yang ditunggu tidak mendatangkan hasil
- IV. Apakah tindakan Pak Burhan setelah mengetahui apa yang sedang berlaku?
- A. membuat laporan polis
  - B. melarikan diri kerana takut
  - C. tidak melakukan apa-apa
  - D. menangkap kesemua ahli sindiket tersebut
- V. Apakah yang diterima oleh Pak Mail setelah ahli sindiket tersebut berjaya ditangkap?
- A. Dapat tidur dengan lena.
  - B. Tidak perlu lagi rasa takut.
  - C. Menerima pujian daripada semua pihak.
  - D. Ucapan terima kasih dan penghargaan daripada pihak polis.



### SOALAN 3

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikut.

(Read the passage carefully, then answer the following questions.) (5 Markah)

#### Tempat Menarik di Port Dickson

Setiap tahun, Port Dickson menerima jutaan pelancong. Hal ini demikian kerana di sini terdapat banyak lokasi percutian yang menarik seperti pantai. Bukan itu sahaja, lokasi Port Dickson yang hanya mengambil masa satu jam dua puluh lima minit sahaja dari Kuala Lumpur juga menjadi sebab Port Dickson menjadi destinasi pilihan orang ramai untuk bercuti di sini.

Terdapat banyak tempat menarik yang boleh dilawati di Port Dickson. Antaranya ialah Pantai Teluk Kemang. Pantai ini merupakan pantai yang terbesar dan terkenal di Port Dickson dan mempunyai persisiran pantai yang luas, cantik, dan bersih serta banyak aktiviti sukan air disediakan. Bukan itu sahaja, terdapat banyak kemudahan yang disediakan di sekitarnya.

Tempat menarik seterusnya ialah Muzium Tentera Darat yang memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat kenderaan tentera, meriam, senjata api, bangunan lama, dan bahan—sejarah ketenteraan negara Malaysia. Seterusnya, Pusat Ikan Hiasan mempamerkan pelbagai spesies ikan hiasan yang cantik dan unik. Di Port Dickson juga terdapat Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala. Orang ramai dapat melihat pelbagai jenis hidupan liar dan melawat perkampungan orang asli.

Justeru, percutian ke Port Dickson pasti akan memberikan pengalaman *manis* kepada para pengunjung. Hal ini kerana banyak aktiviti menarik yang boleh dilakukan oleh pengunjung di sana.

- I. Pukul berapakah Suzan akan tiba di Port Dickson sekiranya dia bergerak dari Kuala Lumpur pada pukul 12:45 tengah hari?
- A. Pukul 1:45 tengah hari
  - B. Pukul 2:00 petang
  - C. Pukul 2:10 petang
  - D. Pukul 2:15 petang



- II. Pantai Port Dickson mempunyai pelbagai tempat yang menjadi tarikan ramai pelancong, KECUALI.
- A. Muzium Tentera Darat
  - B. Pantai Teluk Kemang
  - C. Pusat Haiwan Hiasan
  - D. Pusat Edu-Ecotourism Sungai Menyala
- III. Apakah aktiviti menarik yang dapat dilakukan di Muzium Tentera Darat?
- A. Menaiki kapal layar tentera darat.
  - B. Melihat kenderaan tentera.
  - C. Mempelajari proses membuat senjata api.
  - D. Membeli bahan-sejarah ketenteraan negara Malaysia.
- IV. Apakah maksud bagi perkataan **manis** dalam petikan di atas?
- A. perit
  - B. indah
  - C. sedih
  - D. duka
- V. Semua pernyataan tidak benar tentang petikan surat di atas, KECUALI
- A. Perjalanan dari Kuala Lumpur ke Port Dickson mengambil masa tiga puluh minit sahaja.
  - B. Pelancong dapat melawat perkampungan orang Asli di Pusat Ikan Hiasan.
  - C. Lokasi percutian di tepi pantai menjadi faktor tarikan pelancong di Port Dickson.
  - D. Pantai Teluk Kemang ialah pantai yang kedua terbesar di Port Dickson.





## Bahagian B (20 Markah)

### SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang punca gejala sosial dalam kalangan masyarakat**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri dengan tidak mengubah maksud asal petikan.

(Read the passage carefully and write a summary on the reasons of social problems in society. The summary should be no more than 80 words. You are encouraged to use your own sentences without changing the original meaning of the statement.)

(10 Markah)

Gejala sosial dalam kalangan remaja bukan sesuatu yang luar biasa dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Malah, gejala ini semakin menjadi-jadi setiap hari. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong fenomena ini semakin berleluasa.

Gejala kurang sihat ini berlaku kerana para remaja kurang diberi perhatian oleh ibu bapa mereka, khususnya yang bekerja di kawasan bandar. Ibu bapa sibuk bekerja sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka. Akibat keletihan, mereka langsung tidak mahu mengambil tahu tentang pelajaran anak-anak, apatah lagi untuk mendengar masalah mereka. Hal ini pasti menimbulkan rasa bosan, sekali gus menyebabkan anak-anak mencari jalan keluar untuk menghiburkan hati.

Selain itu, mereka terjebak dalam gejala negatif akibat bergaul dengan kumpulan yang salah. Ada sesetengah ibu bapa pula berpendapat bahawa pemberian wang yang secukupnya kepada anak-anak sudah memadai. Mereka seharusnya tahu bahawa kasih sayang tidak dapat dibeli dengan wang.

Ada segelintir remaja pula mengambil jalan mudah dengan melakukan perbuatan yang tidak baik kerana hendak melarikan diri daripada masalah yang menimpa keluarga mereka. Contohnya, perceraian antara ibu bapa mereka. Pengaruh rakan sebaya juga merupakan antara punca berlakunya gejala sosial di negara kita. Para remaja yang buntu dengan masalah yang dihadapi keluar dari rumah lalu mencari kebebasan bergaul dengan kumpulan yang tidak senonoh.

Dalam hal ini, semua pihak harus memainkan peranan masing-masing. Guru-guru, misalnya boleh memainkan peranan penting untuk membentuk peribadi para pelajar di sekolah. Kaunseling kepada para pelajar yang bermasalah tentunya dapat membantu mereka mengatasi masalah yang dihadapi dengan lebih tenang dan rasional.

Aktiviti kokurikulum juga patut dijalankan dengan berkesan supaya para pelajar dapat melibatkan diri dan mengelakkan mereka melepak. Di samping itu, pendidikan agama haruslah diterapkan kepada anak-anak sejak mereka kecil lagi. Langkah ini amat perlu kerana semua agama mengajar penganutnya supaya berkelakuan baik.

Tegasnya, anak-anak muda atau golongan remaja ini haruslah dididik dan dijaga dengan baik kerana mereka merupakan bakal pemimpin negara suatu hari nanti.



### SOALAN 5

Pilih salah satu daripada tajuk di bawah dan tuliskan sebuah karangan. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Sempena Minggu Bahasa Melayu, kamu telah menyertai pertandingan menulis karangan. Tajuk yang diberikan ialah **Kepentingan Menjaga Kebersihan Sekolah**.

Tulis karangan anda selengkapnya.

ATAU

- (b) Kamu telah berkelah di kawasan air terjun bersama-sama dengan keluarga kamu.

Tulis karangan tentang pengalaman kamu selengkapnya.



**Bahagian C**  
**(20 Markah)**

**SOALAN 6**

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.  
(Rearrange the phrases below to form complete sentences.)

**(5 Markah)**

I. semakin / COVID-19. / setelah / Fairuz / terkena / berasa / dia  
/ lemah / badannya / jangkitan

---

---

II. sudah sembuh / selepas / gembira / Ibu / dari / berasa /  
melihat / demam panas. / anaknya

---

---

III. dia / buah-buahan / kesihatan. / Siew Mei / yang segar / mementingkan /  
membeli / dari / kerana / pasar raya

---

---

IV. di badan. / pulang dari / mandi segera / Haikal / setelah / sekolah /  
kekotoran. / menghilangkan / untuk

---

---

V. memastikan / tersusun / Pak Mail / dalam / bersih / dan /  
sentiasa / kedai makannya / keadaan

---

---



## SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.  
(Choose the correct answer.)

(10 Markah)

- I. Kesavan terpaksa berpatah balik ke rumah kerana buku \_\_\_\_\_ tertinggal di atas meja ruang tamu.  
A. kami  
B. dia  
C. saya  
D. engkau
- II. Pemohonan \_\_\_\_\_ akan ditolak sekiranya tidak dihantar dalam masa 14 hari bermula pada hari ini.  
A. mereka  
B. aku  
C. anda  
D. engkau
- III. Dia berjalan dengan \_\_\_\_\_ kerana kakinya sakit.  
A. lembut  
B. lembab  
C. perlahan  
D. tenang
- IV. \_\_\_\_\_ program Tahun Enam telah disiapkan oleh Cikgu Mahmud pada petang semalam.  
A. Kertas nama  
B. Kertas kerja  
C. Kertas siasatan  
D. Kertas mahjong
- V. “Tolong berikan surat ini \_\_\_\_\_ Hanisah,” kata David kepada Rosli.  
A. pada  
B. untuk  
C. kepada  
D. ke



- VI. Orang lain sibuk membaca buku \_\_\_\_\_ Aini dan Malini hanya berbual-bual kosong.
- A. lalu
  - B. yang
  - C. tetapi
  - D. sambil
- VII. Semua murid dikehendaki untuk \_\_\_\_\_ di padang sekolah pada waktu rehat.
- A. berkumpul
  - B. mengumpul
  - C. dikumpul
  - D. mengumpulkan
- VIII. Para \_\_\_\_\_ motosikal berteduh di bawah jambatan kerana hujan turun dengan lebat.
- A. tunggangan
  - B. bertunggang
  - C. penunggang
  - D. menunggang
- IX. Gowri membeli se\_\_\_\_\_ payung di kedai itu dengan harga RM 10.
- A. bilah
  - B. batang
  - C. kaki
  - D. biji
- X. \_\_\_\_\_ Michael berbadan besar \_\_\_\_\_ dia boleh melakukan yoga dengan baik.
- A. Demi...tetapi
  - B. Walaupun...tetapi
  - C. Semakin...semakin
  - D. Sungguhpun...inikan pula



## SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- ✓ malang tidak berbau
- ✓ genggam bara api biar sampai jadi arang
- ✓ bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- ✓ mencegah lebih baik daripada mengubati
- ✓ sebab nila setitik, rosak susu sebelanga

- I. Kita digalakkan untuk mencuci tangan dengan kerap agar tidak dijangkiti penyakit virus. Hal ini demikian kerana \_\_\_\_\_
- II. Ayah menyuruh Haikal untuk menggunakan pelampung semasa berenang. Hal ini menepati peribahasa \_\_\_\_\_.
- III. Setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh, Fatimah akhirnya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Hal ini bertepatan dengan peribahasa \_\_\_\_\_.
- IV. Peribahasa yang membawa maksud seorang melakukan kesalahan, orang lain pun turut menerima akibatnya ialah \_\_\_\_\_.
- V. Sebagai seorang isteri, Maria sentiasa bersama suaminya dalam menghadapi suka dan duka dalam kehidupan keluarga mereka. Peribahasa yang sesuai untuk situasi ini ialah \_\_\_\_\_.



## Bahagian D (25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.  
(This section consists of four parts. You are required to answer all questions.)

### SOALAN 9

Baca syair Burung Nuri di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.  
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Bermula warkah surat rencana,  
Ikatan fakir yang sangat hina,  
Sajak dan nazam banyak tak kena,  
Daripada pendapat kurang sempurna.

Sudahlah nasib untung yang malang,  
Mengambah lautan berulang-ulang,  
*Mudaratnya bukan lagi kepalang,*  
Senantiasa di dalam Nasib dan walang.

Gerangan sungguh amatlah leta,  
Perinya akal gelap-gelita,  
Hemat pun rendah daif berserta,  
Tambahan badan miskin dan nista.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,  
Segenap pesisir desa negeri,  
Bertambahlah pula sopan dan negeri,  
Santap nan tidak minum pun kari.

Beribu ampun kiranya tuan,  
Atasnya hulu fakir nistawan,  
Daripada masyghul gundah merawan,  
Terperilah madah patik nin tuan.

Bangun terjunan badan suatu,  
Gundahlah fikir tiada tertentu,  
Laksana cermin jatuh ke batu,  
Remuk dan redam hancur di situ.

Dituliskan sahifah supaya nyata,  
Barang yang ghairah di dalam cerita,  
Terfikir-fikir bukan menderita,  
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Remuk dan redam rasanya hati,  
Lenyaplah fikir budi pekerti,  
Jikalau kiranya hamba turuti,  
Daripada hidup sebaiknya mati.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh  
(Penyelenggara)  
Antalogi Bintang Hati, 2016.



- I. Maksud rangkai kata *Gundahlah fikiran tiada tertentu* ialah
- A. fikiran yang tenang dan teratur
  - B. fikiran yang resah tanpa hala tuju
  - C. fikiran yang bersemangat dan berfokus
  - D. fikiran yang bebas daripada masalah.

Dakwat dan kertas tempat berkata

- II. Frasa di atas membawa maksud
- A. boleh berkata-kata dalam kertas
  - B. surat sebagai saluran meluahkan perasaan
  - C. dakwat digunakan untuk berkata-kata
  - D. dakwat dan kertas menjadi teman setia
- III. Berikut merupakan persoalan yang menepati syair di atas, **KECUALI**
- A. ketabahan dalam menghadapi dugaan hidup
  - B. keperitan hidup orang yang serba kekurangan
  - C. kebijaksanaan menyusun strategi untuk melawan musuh
  - D. kesederhanaan dalam percintaan
- IV. Pilih gaya bahasa yang diikuti contoh yang tepat.
- A. Simile: Laksana cermin jatuh ke batu
  - B. Asonansi: Masyghul
  - C. Kata ganda: Hanyutlah badan ke sama ke mari
  - D. Aliterasi: Berulang-ulang
- V. Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang syair di atas.
- A. Syair ini terdiri daripada sembilan baris.
  - B. Setiap rangkap mempunyai lima baris.
  - C. Semua baris merupakan maksud.
  - D. Bilangan perkataan bagi setiap baris antara dua hingga tujuh patah perkataan.





## SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.  
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

### **Bintang**

Suatu malam aku duduk  
di halaman rumah  
kulihat cantiknya bintang-bintang  
menghias langit yang terbentang  
aku ingin terbang ke sana  
membawa pulang bintang-bintang  
tentu ibu gembira  
tentu ayah gembira  
melihat rumah ini  
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu  
itu tidak perlu  
ayah sudah ada bintang  
begitu juga ibu  
rumah sudah bercahaya  
begitu juga jiwa mereka  
bintang itu adalah aku  
bintang hati ayah dan ibu.

(Siti Zaleha M. Hashim  
*Antalogi Bintang Hati*, 2016)

- i. Apakah tema sajak “Bintang”? (1 Markah)
- ii. Huraikan satu nilai yang terdapat dalam Sajak “*Bintang*”? (2 Markah)
- iii. Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam sajak “*Bintang*”? (2 Markah)



## SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(Read the passage below carefully, then answer the following questions.)

Maka sehari itu hatta baginda pun sedang ramai dihadap oleh segala raja-raja dan Menteri hulubalang rakyat sekalian menghadap. Maka Betara Angkasa Indera Dewa pun sampailah bersama isterinya ke penghadapan baginda. Setelah dilihat orang banyak ada seorang laki bini datang hendak menghadap baginda itu akan rupa kainnya carik-carik berjurai-jurai seperti ubur-uburlah rupanya. Maka segala mereka pun ramailah ia tertawa serta mengambil kayu dan batu maka dilemparlah Si Miskin itu. Maka kenalah tubuhnya habislah bengkak-bengkak dan berdarah-darah. Segala tubuhnya itu berlumuran dengan darah. Maka orang banyak pun gemparlah.

Maka titah baginda, “Apakah yang digemparkan di luar itu?”

Maka sembah segala raja-raja, “Ya, Tuanku Syah Alam, orang melempari Si Miskin, Tuanku.”

Maka titah baginda,” Suruh usir jauh-jauh.”

Maka diusiri orang. Maka ia pun kembalilah ke tepi hutan. Hatta, maka hari pun malamlah. Maka baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana. Maka segala raja-raja pun masing-masing pulang ke rumahnya.

Adapun akan Si Miskin itu, apabila hari malam maka ia pun diamlah kepada pohon kayu itu membasuhi segala tubuhnya itu. Setelah hari siang maka ia pun berjalan hendak masuk ke dalam negeri mencari rezekinya. Maka apabila sampailah dekat kepada kampung orang, apabila orang yang empunya kampung itu melihat akan diam akan diusirnya dengan kayu. Maka Si Miskin itu pun larilah ia ke pasar. Maka dilihat oleh orang pasar akan Si Miskin itu datang, maka masing-masing melempari dengan batu, dan kayu dibuatnya pelontar. Maka ia pun larilah dan tubuhnya pun habislah bengkak-bengkak berlumuran darah. Ia pun menangis berseru-seru sepanjang jalan dengan sangat laparnya dan dahaga seperti akan matilah rasanya.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Bahagia Sesudah Derita” dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

**(9 markah)**



I. Berdasarkan petikan di atas, bagaimanakah keadaan Si Miskin?  
(3 markah)

---

---

---

II. Huraikan tiga perwatakan Si Miskin yang terdapat dalam prosa 'Bahagia Sesudah Derita'.  
(3 markah)

---

---

---

---

---

---

III. Nilai kasih sayang amat penting dalam kehidupan manusia.  
Pada pendapat anda, apakah kesan yang akan berlaku sekiranya nilai kasih sayang tidak wujud dalam kalangan masyarakat di negara kita?  
(3 markah)

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



## SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, huraikan **tema** dan **dua perwatakan Beluntung** yang terdapat dalam cerpen “**Bawod**”, karya *Janathan Kandok*.

---

---

(6 Markah)